



Aplikasi Mobile – JPSApps

N-Droid

**Bahagian Pengurusan Maklumat
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA**

Isi Kandungan

RINGKASAN EKSEKUTIF	1
Pengenalan.....	2
TUJUAN PROJEK INOVASI	3
PROSES PELAKSANAAN INOVASI.....	4
IMPAK INOVASI	8
Elemen Inovatif/Kreativiti	8
Elemen Keberkesanan	12
Elemen Signifikan	15
Elemen Relevan	16
IMPLIKASI KEWANGAN.....	20
GAMBAR SEBELUM.....	22
GAMBAR SELEPAS (JPSApps)	24
PENUTUP	25

Senarai Jadual

Jadual 1: Ciri-ciri Kompendium Sebelum dan Selepas Pembangunan JPSApps.....	6
Jadual 2: Perbezaan Proses Kerja Sebelum dan Selepas Pembangunan JPSApps..	7
Jadual 3: Elemen Keberkesanan	14
Jadual 4: Elemen Relevan	19
Jadual 5: Jadual Kos Keseluruhan (sebelum inovasi)	20
Jadual 6: Jadual Kos Keseluruhan (selepas inovasi)	21

Senarai Gambarajah

Rajah 1: Aplikasi perlu dimuat turun sebelum menggunakan aplikasi.....	8
Rajah 2: Instalasi yang mudah dan cepat	9
Rajah 3: Aplikasi mudah alih melalui smartphone atau tablet.....	9
Rajah 4: Menu Utama dan Ikon Subtajuk.....	10
Rajah 5: Menu dan Submenu.....	10
Rajah 6: Penggunaan ikon 'home' bagi memaparkan Side Menu.....	11
Rajah 7: Bar Fungsi Carian.....	11
Rajah 8: Muka Depan Cetakan pada tahun 2009.....	22
Rajah 9: Muka surat pertama-Kompendium 2009.....	22
Rajah 10: Kata aluan daripada Datuk KP – Kompendium 2009.....	22
Rajah 11: Rangkaian Pejabat JPS – Kompendium 2009.....	22
Rajah 12 Maklumat Am – Kompendium 2009.....	23
Rajah 13: Muka Depan Cetakan pada tahun 2010.....	23
Rajah 14: Kata aluan daripada Datuk KP – Kompendium 2010	23
Rajah 14: Rangkaian Pejabat JPS – Kompendium 2010.....	23

Rajah 16: Ikon Aplikasi m–Kompendium pada <i>Smartphone Dashboard</i>	24
Rajah 17: Kata Aluan KP m–Kompendium.....	24
Rajah 18: Muka Hadapan Paparan JPSApps m–Kompendium.....	24
Rajah 19: Contoh Kandungan m–Kompendium.....	24

Senarai Lampiran

Lampiran A: Jadual Perancangan Pelaksanaan Pembanguna MobileApps JPS.....	26
--	----

RINGKASAN EKSEKUTIF

Aplikasi JPSApps dibangunkan untuk memberi kemudahan kepada warga Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk mengakses maklumat asas JPS yang terdapat di dalam Kompendium Data dan Maklumat Asas JPS. Pembangunan aplikasi ini selaras dengan keperluan pengguna yang menggunakan teknologi terkini dengan gabungan elemen *mobile* untuk mengakses kompendium dari pelbagai tempat pada bila-bila masa dengan menggunakan peranti komunikasi terkini.

Inisiatif pembangunan m-kompendium ini selari dengan Pelan Strategik Teknologi Awam 2011-2015 yang menggariskan hala tuju penggunaan ICT secara pervasif dalam usaha meningkatkan daya saing negara dan dapat menyumbang kepada pelaksanaan dan operasi Gerbang Perkhidmatan *Mobile* Kerajaan (*Mymobile*).

Aplikasi ini boleh dicapai oleh pengguna dengan cepat dan tepat tanpa perlu berada di pejabat dan tanpa capaian Internet. Aplikasi ini juga merupakan *platform* kepada *One Stop Center* (OSC) maklumat asas JPS untuk kemudahan warga JPS.

PENGENALAN

Budaya Inovasi menjadi elemen penting ke arah mencapai status organisasi bertaraf dunia. Budaya inilah yang diterapkan ke dalam setiap warga Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia. Ini selaras dengan pembentangan Bajet 2012 lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menyatakan bahawa fokus kedua yang diberi penekanan daripada lima (5) fokus utama Bajet 2012 adalah mengungguli modal insan, mencerna kreativiti dan mencetus inovasi. Perdana Menteri juga mengumumkan Tahun 2012 sebagai tahun Gerakan Inovasi Nasional dan program Inovasi telah menjadi agenda tahunan jabatan.

Kompendium Data dan Maklumat Asas JPS ini merupakan maklumat asas JPS yang terkini berkenaan Jabatan. Maklumat yang terdapat di dalam kompendium dijadikan sebagai sumber rujukan yang mudah dan berguna kepada pihak pengurusan dan juga untuk warga JPS Malaysia yang memerlukan maklumat mengenai Jabatan. Kompendium ini adalah hasil pengumpulan maklumat daripada semua Bahagian, JPS Negeri dan Pejabat Projek yang diterbitkan dalam bentuk buku kecil oleh Bahagian Korporat setiap tahun atau apabila ada perubahan isi kandungan. Penerbitan pertama kompendium ini adalah pada tahun 2007.

Aplikasi Mobile adalah satu inovasi dimensi baru dalam penyampaian maklumat yang merupakan perisian mudah-alih yang dibina khusus untuk alat komunikasi seperti *smartphone* atau *tablet*. Ia perlu dimuat turun ke dalam alat komunikasi sebelum digunakan.

Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) JPS Malaysia telah mengambil inisiatif dan mendapat cetusan idea dengan membangunkan aplikasi *mobile* yang dikenali sebagai JPSApps. Aplikasi ini selaras dengan perkembangan kecanggihan teknologi terkini dan potensinya dalam pencapaian penyampaian maklumat secara paling efektif. BPM JPS merupakan **AGENS PERTAMA** di bawah Kementerian Sumber Asli dan Sekitar (NRE) yang membangunkan aplikasi *mobile*

TUJUAN PROJEK INOVASI

Tujuan projek inovasi Aplikasi Mobile-JPSApps adalah untuk:-

- Menyediakan aplikasi mobile khusus untuk warga JPS yang menggunakan *smartphone* versi sistem operasi Android. Sebagai permulaan, JPSApps yang dibangunkan adalah m-kompendium untuk penggunaan warga JPS;
- Membolehkan warga JPS boleh mencari data dan maklumat asas JPS dalam masa yang singkat, cepat dan di mana sahaja melalui *smartphone* atau tablet, tanpa perlu membawa *hardcopy* kompendium;
- Meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian JPS serta memberi kemudahan untuk mendapatkan perkhidmatan/maklumat melalui telefon dan peralatan mudah alih;
- Memenuhi keperluan pelaksanaan Inisiatif ICT selaras dengan Pelan Strategik ICT Sektor Awam yang menggariskan hala tuju penggunaan ICT secara pervasif dalam usaha meningkatkan daya saing negara; dan
- Menyediakan dan memenuhi keperluan pelaksanaan dan operasi Gerbang Perkhidmatan *Mobile* Kerajaan (*Mymobile*).

PROSES PELAKSANAAN INOVASI

Proses Sebelum Inovasi

Sebelum pembangunan aplikasi ini, warga JPS hanya boleh mendapat data dan maklumat asas JPS melalui buku kecil yang dikenali sebagai kompendium berbentuk *hardcopy* yang diterbitkan oleh Bahagian Korporat JPS. Maklumat terkini, pindaan dan tambahan maklumat hanya dapat dibuat bagi terbitan berikutnya. Proses penghasilan penerbitan kompendium ini akan mengambil masa yang lama serta melibatkan kos percetakan dan pengedaran kepada JPS Negeri dan Pejabat-pejabat Projek.

Proses Selepas Inovasi

Perancangan pembangunan aplikasi *mobile* JPS dibuat dalam dua (2) kategori iaitu untuk keperluan *internal* (JPSApps) dan *public* (MyJPSApps). JPSApps adalah untuk warga JPS sahaja yang mengandungi m-kompendium dan m-direktori manakala MyJPSApps adalah untuk keperluan orang awam yang mengandungi MyInfoBanjir. Pembangunan aplikasi *mobile* JPS adalah bersifat dinamik dan boleh ditambah baik daripada semasa ke semasa.

Pembangunan JPSApps telah disenaraikan sebagai salah satu projek dalam Rancangan Kerja Tahunan (RKT) BPM tahun 2013 dan tempoh pelaksanaan adalah selama 6 bulan (Januari hingga Jun 2013). Sebagai permulaan, skop projek adalah *mobile* kompendium (m-kompedium) untuk warga JPS sahaja. Perbincangan awal untuk projek ini telah diadakan pada 28 Februari 2013 yang mengambil kira skop, keperluan pengguna, analisa dan reka bentuk aplikasi, pembangunan aplikasi,

pengujian, dokumentasi, pelaksanaan dan promosi. Jadual Perancangan Pelaksanaan Pembangunan MobileApps JPS adalah seperti di **Lampiran A**.



Aplikasi ini telah dibangunkan secara dalaman (*in-house*), mengaplikasikan Strategi Laut Biru dengan pengembelian sumber tenaga semua pegawai skim teknologi maklumat daripada Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM), Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), Pejabat SMART serta Bahagian Pengurusan Sumber Air dan Hidrologi (BSAH). Pembangunan telah diadakan secara *Tranfer of Technology (TOT)* antara pegawai yang terlibat dengan pihak tenaga pengajar dari luar iaitu Syarikat *Red Solution* dengan kos yang sangat minimum. Bengkel TOT telah diadakan pada 11-15 Mac 2013 berbentuk latihan dan *hands-on* dalam makmal komputer di Institut Pembangunan Modal Insan Zon Tengah. Pembangunan sistem menggunakan peralatan (*server*, komputer, rangkaian) sedia ada dan perisian yang digunakan boleh dimuat turun secara percuma melalui Internet. Perisian berkaitan adalah *Dreamweaver*, *JQuery* dan *Phone Gap*.

Aplikasi ini telah dibentangkan kepada Pengarah Kanan JPS, Y.Bhg. Dato' Zainor Rahim dan Bahagian Korporat (selaku bahagian yang bertanggungjawab berkenaan dengan maklumat-maklumat kompendium) pada 3 April 2013 untuk persetujuan seterusnya diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa ICT (JPIC) JPS Bil.1/2013 pada 9 April 2013. Pelancaran JPSApps (m-kompendium) telah dilaksanakan pada 21 Jun 2013 melalui memo dan hebahan dalam InfoPortal.

Perbezaan ciri-ciri dan proses pembangunan kompendium sebelum dan selepas inovasi adalah seperti di **Jadual 1** dan **Jadual 2**.

Bil.	Sebelum	Selepas
1.	Maklumat berkaitan jabatan dalam bentuk <i>hardcopy</i> .	Maklumat berkaitan jabatan dalam bentuk <i>softcopy</i> .
2.	Perlu membawa <i>hardcopy</i> yang berat untuk merujuk maklumat berkaitan jabatan.	Mudah untuk diakses dengan cepat sebab telah diinstall ke dalam <i>smartphone</i> atau <i>tablet</i> (sistem operasi android).
3.	Penggunaan kertas yang banyak sebab perlu dicetak.	Mengurangkan penggunaan kertas untuk cetakan <i>hardcopy</i> .

Jadual 1: Ciri-ciri Kompendium Sebelum dan Selepas Pembangunan JPSApps

Sebelum	Selepas
	<u>Terbitan Kali Pertama</u> • Data dan maklumat asas dikumpul dan diselaraskan oleh BKOR • Deraf terakhir kompendium disahkan oleh BKOR • Hantar ke syarikat percetakan untuk reka bentuk dan menyediakan master • Semak untuk kelulusan • Cetak • Edarkan hardcopy kompendium kepada Bahagian/Projek/ Negeri • Jika ada pindaan & tambahan Maklumat, tunggu penerbitan berikutnya <u>(tahunan)</u>
	<u>Terbitan Kali Pertama</u> • Data dan maklumat asas dikumpul dan diselaraskan oleh BKOR • Deraf terakhir kompendium disahkan oleh BKOR • Hantar ke BPM untuk reka bentuk dan membuat pengaturcaraan • Semakan oleh BKOR untuk kelulusan • <i>Compile</i> dalam bentuk aplikasi dan muatnaik ke dalam server • Pengguna boleh muat turun ke <i>smartphone/tablet</i> pada bila-bila masa • Pinda/tambah data/maklumat jika ada dan muat naik versi terkini ke server • War-war kepada pengguna untuk muat turun versi terkini <u>(bila-bila masa)</u>

Jadual 2: Perbezaan Proses Pembangunan Kompendium Sebelum Dan Selepas Inovasi


IMPAK INOVASI

Elemen Inovatif/Kreativiti

JPSApps (m-kompedium) telah direkabentuk bersesuaian dengan peralatan peranti elektronik *smartphone* atau *tablet* yang menggunakan sistem operasi *android*. M-kompedium menyediakan kemudahan dan elemen inovatif seperti kemudahan muat turun serta instalasi yang mudah dan cepat; reka bentuk *interface* yang kemas dan mudah digunakan; susunan kandungan secara berstruktur dengan penggunaan Menu Utama, Sub Tajuk, Menu dan Sub Menu serta kemudahan navigasi dengan penggunaan ikon bagi memaparkan *side menu* pada setiap *dashboard*; kemudahan carian; dan boleh dimuat turun ke beberapa banyak gajet dalam satu masa (*multiple installation*).

a) Kemudahan muat turun dan instalasi

JPSApps (m-kompedium) boleh dimuat turun daripada server dalaman JPS (Info Portal) ke dalam alat komunikasi sebelum digunakan dengan mudah dan cepat.




Rajah 1: Aplikasi perlu dimuat turun sebelum menggunakan aplikasi



Rajah 2: Instalasi yang mudah dan cepat

b) Reka bentuk *interface* yang kemas dan mudah digunakan

Interface m-Kependium direka bentuk supaya mudah digunakan. Paparan *dashboard* sentiasa mempunyai bar “Carian” dan ikon “Side Menu” di sebelah atas. Penggunaan kombinasi warna hijau dan biru dengan latar belakang putih atau hitam mempunyai ciri-ciri *ergonomic* memberi keselesaan kepada mata dan mesra pengguna.



Rajah 3: Aplikasi mudah alih melalui smartphone atau tablet


c) Susunan Kandungan Secara berstruktur dan Kemas

M-Kompendium disusun dengan menggunakan Menu Utama di muka hadapan, mempunyai ikon Sub Tajuk dan *Side Menu*. Menu Utama yang disediakan adalah sebagai panduan kepada keseluruhan kompendium dan capaian pantas ke Portal JPS.



Rajah 4: Menu Utama dan Ikon Sub Tajuk


Bagi setiap tajuk akan ada menu tersendiri yang boleh dikembangkan kepada submenu.



Rajah 5: Menu dan Submenu.

d) **Penggunaan ikon “Home” untuk memaparkan Side Menu**

Penggunaan ikon “home” membolehkan *side menu* dipaparkan dimana-mana *dashboard* bagi memudahkan navigasi



Rajah 6: Penggunaan ikon ‘home’ bagi memaparkan Side Menu

e) **Kemudah carian**

Pengguna hanya perlu memasukkan perkataan yang diperlukan di “bar carian” bagi memaparkan kandungan yang diperlukan.



Rajah 7: Bar Fungsi Carian

f) *Multiple Installation*

Tidak perlu risau kehilangan berbanding *hardcopy* disebabkan aplikasi ini boleh dimuat naik pada beberapa banyak gajet dalam satu-satu masa.

Selain itu, JPSApps merupakan aplikasi yang dibangunkan dengan menggunakan cetusan idea yang kreatif dan kepakaran pengaturcaraan dalam mewujudkan satu aplikasi yang mengandungi maklumat jabatan bagi kemudahan warga JPS mendapat maklumat dengan cepat.

Elemen Keberkesanan

Bil.	Faedah	Keterangan
1.	<u>Efisien</u> Memudahkan warga JPS untuk akses maklumat kompendium dengan lebih cepat dan mudah	Sebelum ini JPS Malaysia menggunakan buku iaitu kaedah <i>hardcopy</i> sebagai saluran pencarian maklumat berkaitan Jabatan. Oleh itu, maklumat tersebut perlu disemak secara manual dan mengambil masa yang lama. Ini menyukarkan warga JPS mendapatkan maklumat terkini dengan cepat. Dengan adanya <i>MobileApps</i> (JPSApps) maka maklumat terkini yang tepat dapat diakses dengan singkat, mudah dan cepat di mana-mana sahaja melalui <i>smartphone</i> atau <i>tablet</i> yang pastinya sentiasa dibawa bersama tanpa membawa <i>hardcopy</i> kompendium.

Bil.	Faedah	Keterangan
2.	<u>Komunikasi berkesan</u> Meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian JPS	Kompendium JPS sebelum ini dibekalkan kepada pegawai di jabatan dalam bentuk <i>hardcopy</i> di mana maklumat disampaikan secara manual. Namun kini, melalui kemudahan teknologi ICT yang dimanfaatkan maklumat jabatan disampaikan secara terus atas talian. Sebarang pindaan atau tambahan maklumat dapat dibuat segera. Oleh yang demikian, maklumat berkenaan jabatan dapat disampaikan dengan lebih berkesan.
3.	<u>Penjimatan Kos</u> Penggunaan kos yang lebih rendah	Kos menyediakan kompendium <i>hardcopy</i> adalah sangat tinggi kerana Jabatan perlu mencetak kompendium tersebut mengikut bilangan pegawai dan <i>stakeholder</i> yang akan diagihkan kompendium berkenaan. Namun dengan wujudnya JPSApps kos adalah sangat minimum kerana kos yang diperlukan adalah bagi tujuan latihan penggunaan perisian yang akan digunakan dalam pembangunan sahaja. Kini, jabatan tidak lagi perlu menyediakan peruntukan bagi tujuan cetakan kompendium dan boleh memperuntukannya kepada projek

Bil.	Faedah	Keterangan
		yang lebih diperlukan. Oleh itu, kos dapat diijmatkan dan kurang pembaziran.
4.	<u>Tahap kepuasan stakeholder</u> Meningkatkan tahap kepuasan Pengguna (Pengurusan Atasan JPS dan Kementerian dan Warga JPS)	Perkongsian maklumat sebelum ini adalah sangat sukar kerana perlu menyemak secara manual. Namun, setelah kompendium diwujudkan secara <i>mobile</i> maka kepuasan <i>stakeholder</i> dapat ditingkatkan kerana perkhidmatan yang berkualiti, cepat, mudah boleh dilaksanakan pada bila-bila masa dari mana sahaja.

Jadual 3: Elemen Keberkesanan

Elemen Signifikan

a) Mesra Pelanggan

JPSApps merupakan aplikasi yang bersifat mesra pelanggan kerana ia boleh diakses pada semua peranti mudah-alih yang menggunakan sistem operasi *Android*. Mengikut statistik semasa yang dikeluarkan oleh StatCounter, sistem operasi *Android* kini memegang sebanyak lebih kurang **66.68%** daripada pengguna peranti mudah-alih di Malaysia. Ini menunjukkan bahawa lebih separuh pengguna peranti mudah-alih di Malaysia berupaya untuk mengakses JPSApps.

b) Penjimatan masa/kos/sumber manusia

JPSApps yang dibangunkan ini juga bersifat atas talian dan *paperless* di mana akan menjimatkan penggunaan kertas, kos cetakan, kos pengeposan dan kos kerja lebih masa kakitangan. Selain itu, JPSApps juga memudahkan proses kerja dan beban pegawai dalam melaksanakan tugas harian.

c) Memenuhi Objektif Inisiatif

Dengan terciptanya JPSApps, sistem penyampaian maklumat JPS akan lebih meningkat dan berkesan. JPSApps yang bersifat mudah alih ini membolehkan maklumat atau perkhidmatan boleh dicapai atau disampaikan dengan mudah walau di mana saja berada sekali gus dapat meningkatkan produktiviti pegawai JPS.

Elemen Relevan

Bil.	Inisiatif	Keterangan
1.	Menyokong Dasar Kerajaan	Pada tahun 2008 Kerajaan telah memperkenalkan pelaksanaan mySMS 15888 bagi membolehkan orang ramai mencapai perkhidmatan agensi Kerajaan dengan cepat, mudah dan selesa tanpa mengira masa dan tempat menerusi satu nombor tunggal iaitu 15888. Pelaksanaan mySMS 15888 adalah langkah awal Kerajaan ke arah <i>Mobile Government</i>. Di bawah Rancangan Malaysia ke-10 di bawah Bab 7 : Mentransformasikan Kerajaan ke Arah Mentransformasikan Malaysia, pelaksanaan mySMS 15888 telah diperluaskan kepada <i>Mobile Government (myGov Mobile)</i> bagi memperluaskan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan melalui saluran telefon mudah alih. Melalui myGov Mobile, rakyat boleh mendapatkan perkhidmatan Kerajaan dengan mudah, cepat dan ringkas melalui saluran SMS, MMS, USSD, dan juga aplikasi <i>mobile</i> yang akan dibangunkan untuk pengguna <i>smart phone</i>. Sebagai salah satu agensi Kerajaan yang menyokong usaha ini, satu usaha agresif telah

Bil.	Inisiatif	Keterangan
		dijalankan dengan membangunkan aplikasi <i>mobile</i> supaya pelbagai maklumat dapat dicapai oleh pengguna <i>smart phone</i> (sistem operasi <i>android</i>). Berdasarkan kadar penembusan telefon mudah alih yang tinggi di Malaysia, 143.4 dengan 42.445 juta langganan sehingga Suku Tahun Pertama 2013 (statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia) merupakan salah satu faktor mendorong kepada pelaksanaan aplikasi <i>mobile</i> kompendium ini. Harga <i>smart phone</i> yang semakin murah di pasaran juga menyumbang kepada pelaksanaan perkhidmatan aplikasi <i>mobile</i>.
2.	Memenuhi Ekspektasi dan Kehendak Semasa Pegawai	Ekspektasi terhadap perkhidmatan kerajaan elektronik kian meningkat akibat daripada peningkatan kebolehan dan keupayaan teknologi baru. Pegawai selaku pelanggan dalaman yang bersama-sama menggalas operasi dan objektif organisasi menghendaki perkhidmatan yang berkualiti, cepat, mudah dan boleh dilaksanakan pada bila-bila masa dari mana sahaja. Tumpuan telah diberi terhadap perkhidmatan yang dapat meningkatkan daya saing Jabatan. Bagi

Bil.	Inisiatif	Keterangan
		merealisasikan ekspektasi dan kehendak ini, kompendium telah direka bentuk bagi disesuaikan dengan kehendak dan perkembangan teknologi semasa. Kemudahan capaian terhadap JPSApps ini memberi peluang kepada pegawai mendapatkan maklumat yang diperlukan melalui peranti <i>mobile</i> berbanding cetakan yang kadangkala agak sukar untuk didapati. Aplikasi yang mudah-alih ini dibina khas untuk alat komunikasi seperti <i>smartphone</i> atau tablet (sistem operasi <i>android</i>). Kaedah penyaluran maklumat melalui pembangunan aplikasi sebegini merupakan satu anjakan kepada satu bentuk kaedah baru yang berasaskan inovasi, kreativiti dan nilai tambah yang tinggi agar Jabatan kekal relevan dalam persaingan di peringkat nasional.
3.	Menyokong Konsep <i>Paperless</i> dalam Penyaluran Maklumat	Penggunaan medium <i>mobile</i> terhadap penyaluran maklumat yang banyak memungkinkan pengurangan di dalam penggunaan kertas sebagai salah satu medium yang biasa digunakan. Tanpa bergantung kepada medium tradisional ini, penyebaran maklumat kepada

Bil.	Inisiatif	Keterangan
		pegawai dapat dilaksanakan secara lebih cepat, mudah dan lebih meluas. Ini mampu meningkatkan kesedaran terhadap perkhidmatan <i>mobile</i> Jabatan dan mampu memupuk satu budaya yang positif di dalam penggunaan teknologi terkini. Penjimatan terhadap kos cetakan bahan-bahan maklumat berkaitan Jabatan dapat dilaksanakan dan yang lebih penting ia mampu mengoptimumkan sumber Jabatan. Sesungguhnya penghasilan aplikasi <i>mobile</i> kompendium ini menunjukkan ketersediaan pihak Jabatan beralih daripada medium tradisional kepada konsep mudah alih yang mampu meningkatkan imej Jabatan dan seterusnya mengembangkan konsep <i>mobile</i> terhadap pelbagai perkhidmatan yang boleh ditawarkan oleh pihak Jabatan. Penghasilan JPSApps mampu meningkatkan imej Jabatan tanda aras terhadap sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan.

Jadual 4: Elemen Relevan

IMPLIKASI KEWANGAN

Kos keseluruhan pembangunan sistem adalah terlalu rendah kerana ia menggunakan kaedah TOT berbanding pembangunan sistem menggunakan kaedah *outsourcing*. Kos keseluruhan pembangunan aplikasi serta latihan kepada pegawai yang terlibat hanya melibatkan sebanyak RM9,000.00. Jika pembangunan sistem ini menggunakan kaedah *outsourcing* akan melibatkan anggaran kos yang mencecah RM150,000.00.

Kos dari segi percetakan dan pengedaran kompendium ke JPS negeri/ projek juga tidak diperlukan kerana diedarkan dengan menggunakan mekanisme teknologi ICT terkini melalui InfoPortal. Oleh itu, ia amat menjimatnya.

Pembangunan aplikasi ini memberi penjimatan yang maksimum iaitu sebanyak RM41,490.00 bersamaan dengan 82.17%.

BUTIRAN	KOS (RM)
Kos Cetakan Tahun 2010	
<u>Cetakan pertama</u>	
- 1000 naskhah	1000 * 22.89
- Kos senaskah RM22.89	22,890.00
<u>Cetakan kedua</u>	
- 1500 naskhah	1500 * 18.40
- Kos senaskah RM18.40	27,600.00
JUMLAH KESELURUHAN	50,490.00

Jadual 5: Jadual Kos Keseluruhan (sebelum inovasi)

BUTIRAN	KOS (RM)
Kos Pembangunan Aplikasi (Latihan dan Pembangunan Aplikasi)	
<u>Latihan pada 11 – 15 Mac 2013</u>	
- Latihan <i>mobile Apps</i>	9,000.00
- Kos bengkel dan makan	
JUMLAH KESELURUHAN	9,000.00


Jadual 6: Jadual Kos Keseluruhan (selepas inovasi)

Dengan menggunakan kos pembangunan yang minimum aplikasi ini adalah di antara yang termurah, namun masih dapat memberi impak positif kepada Jabatan dan mengurangkan kos percetakan.


GAMBAR SEBELUM



Rajah 8: Muka Depan Cetakan pada tahun 2009



Rajah 9: Muka surat pertama- Kompedium 2009



Rajah 5: Kata aluan daripada Datuk KP – Kompedium 2009



Rajah 11: Rangkaian Pejabat JPS – Kompedium 2009



Rajah 6 Maklumat Am – Kompendium 2009



Rajah 7: Muka Depan Cetakan pada tahun 2010



Rajah 14: Kata aluan daripada Datuk KP – Kompendium 2010



Rajah 8: Rangkaian Pejabat JPS – Kompendium 2010

GAMBAR SELEPAS (JPSApps)



Rajah 16: Ikon Aplikasi m-Kompedium pada *Smartphone Dashboard*



Rajah 17: Kata Aluan KP – m-Kompedium



Rajah 18: Muka Hadapan Paparan JPSApps m-Kompedium



Rajah 19: Contoh Kandungan m-Kompedium

PENUTUP

JPSApps (m-kompendium) merupakan projek printis aplikasi *mobile* yang dilaksanakan di JPS. Ia juga merupakan antara inisiatif Strategi Laut Biru dengan mengembeling sumber tenaga Pegawai Teknologi Maklumat daripada beberapa bahagian di JPS dengan tujuan untuk memberi peluang pegawai-pegawai berkenaan untuk sama-sama mempelajari teknologi baru, di samping dapat bekerjasama menyiapkan m-kompendium dalam waktu yang singkat.

JPSApps adalah satu inovasi dimensi baru dalam penyampaian maklumat JPS. Selain m-kompendium, aplikasi lain terutama yang melibatkan orang awam akan terus dibangunkan bagi meningkatkan lagi kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan yang sedia ada. Pembangunan aplikasi *mobile* akan menjadi agenda utama bagi perkhidmatan awam pada masa sekarang dan akan datang bagi menarik minat golongan muda menggunakan perkhidmatan ICT kerajaan. Golongan sasaran ini sememangnya telah pun terdedah dengan aplikasi *mobile* sejak zaman kanak-kanak lagi dengan menggunakan aplikasi pelbagai jenis permainan.

Pada masa akan datang, JPSApps akan terus dibangunkan dengan menambah elemen-elemen dan ciri-ciri yang lebih kreatif dengan reka bentuk yang lebih canggih, mudah, ringkas dan *ergonomic* kepada pengguna.

JPSApps ini juga telah dapat menyokong dasar kerajaan bagi memperluaskan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan melalui saluran telefon mudah alih, memenuhi ekspektasi dan kehendak semasa *stakeholder*, juga menyokong konsep *paperless* dalam penyaluran maklumat.

LAMPIRAN A

Jadual Perancangan Pembangunan MobileApps JPS

(Tarikh Kemaskini : 21 Jun 2013)

